

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rentetan kepadatan pelajar di beberapa sekolah khususnya di Sekolah Menengah Kota Kemuning yang mempunyai 5000 orang pelajar dan jumlah pelajar menjangkau 50 orang sekelas, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menangani hal ini. Disebabkan pertambahan penduduk yang semakin meningkat, maka keperluan untuk dibina sekolah menengah baru amat diperlukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan yang selesa kepada semua murid di seluruh negara. Berdasarkan rekod data KPM, SMK Kota Kemuning mempunyai 50 buah bilik darjah dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dua sesi. Enrolmen murid SMK Kota Kemuning adalah seramai 3,439 orang dengan purata bilangan murid bagi setiap kelas adalah 40 orang murid. Oleh yang demikian, KPM berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk membina sebuah sekolah baharu di kawasan ini.

Sehubungan dengan itu, KPM telah mengemukakan permohonan untuk pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah di Kota Kemuning dalam *Rolling Plan 1* (Tahun 2021) Rancangan Malaysia Ke-12. Dalam sesi libat urus bersama-sama Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi Belanjawan 2021, KPM telah menekankan tentang keperluan mendesak untuk membina sekolah baharu di beberapa kawasan, termasuk di Kota Kemuning. KPM mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah meluluskan pembinaan beberapa sekolah baharu bagi tahun 2021, termasuk SMK Kota Kemuning 2.

Pembinaan sekolah baharu ini akan dapat mengatasi masalah kepadatan murid di SMK Kota Kemuning dan menampung keperluan pendidikan bagi penduduk di kawasan ini pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.